PROSES KERJA

| BIDANG: PENTADBIRAN AM PEJABAT | KOD: TN 13.1 | | |
|---|---|---|---|
| AKTIVITI: Hal-Hal Protokol | SUB-AKTIVITI: Susunan Gambar VVIP Di Pejabat-Pejabat | | |
| PROSES KERJA | BORANG | UNDANG-UNDANG | JAWATAN |
| 1. Semua Jabatan-Jabatan Kerajaan dikehendaki menggantung gambar-gambar pemimpin-pemimpin negara/negeri di Pejabat masing-masing.<br><br>2. Susunan gambar-gambar VVIP yang betul untuk Jabatan-Jabatan di Sarawak adalah seperti berikut:-<br><br>2.1 Gambar Yang DiPertuan Agong hendaklah ditengah-tengah.<br><br>2.2 Permaisuri Agong hendaklah di sebelah kirinya.<br><br>2.3 Gambar Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak hendaklah diletakkan di sebelah kanan gambar Yang DiPertuan Agong.<br><br>2.4. Isteri TYT Sarawak diletakkan di sebelah kiri Permaisuri Agong.<br><br>2.5 Gambar Perdana Menteri Malaysia di sebelah kanan TYT.<br><br>2.6 Gambar Ketua Menteri di sebelah kiri isteri TYT.<br><br>3. Gambar Yang DiPertuan Agong dan Permaisuri Agong hendaklah diletak 2 atau 3 cm lebih tinggi dari gambar VVIP yang lain. Bingkai gambar hendaklah berwarna kuning diraja, jika boleh.<br><br>4. Nama dan Anugerah Darjah Kebersaran disusun mengikut keutamaan. | | | |